

**TEKS ALUAN
YBHG. DATUK SERI DR. ABDUL FATTAH
ABDULLAH
PRESIDEN ANGKASA**

**MAJLIS ANUGERAH KECEMERLANGAN
KOPERASI SEKOLAH (AKKS),
PELANCONGAN KOPERASI SEKOLAH**

**(PKS) DAN IKON KOPERATOR MUDA
2023**

PERINGKAT KEBANGSAAN

6 FEBRUARI 2024 (SELASA)

8.30 MALAM

**SUMMIT HOTEL SUBANG USJ, SUBANG
JAYA, SELANGOR**

Bismillahirrahmanirrahim.,
Assalamualaikum wr. wbth. dan Salam
Malaysia Baharu.
Terima Kasih Pengacara Majlis

**(SALUTASI TERKINI AKAN DILETAKAN DI
ATAS ROSTRUM SEMASA MAJLIS
PERASMIAN)**

Wakil-Wakil Agensi

Pengetua-Pengetua, Guru-Guru
Koperasi, Pelajar-Pelajar Yang Dikasihi
Serta Rakan-Rakan Media Yang Saya
Hormati Sekalian.

1. Marilah kita bersama-sama memanjatkan kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T. kerana sekali lagi diberi kesempatan kepada kita untuk berhimpun bagi meraikan dan memberi pengiktirafan kepada gerakan koperasi sekolah dalam pelbagai kategori yang menunjukkan pencapaian dan prestasi yang

membanggakan sepanjang tahun 2023.

2. Di kesempatan ini saya dan ANGKASA ingin mengucapkan setinggi – tinggi penghargaan ke atas kehadiran **YB PUAN FADHLINA BINTI SIDEK, MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA** yang turut sudi untuk bersama – sama

kita pada hari ini. Sesungguhnya kehadiran YB ke majlis ini amat dihargai dan membakar semangat kami para untuk menjadi penggerak kecemerlangan keusahawanan koperasi di kalangan para pelajar sekolah. Selamat datang diucapkan kepada YB ke ANGKASA

3. Untuk makluman YB dan para hadirin hadirat, majlis pada kali ini dianjurkan bagi meraikan kejayaan yang telah ditonjolkan oleh koperasi sekolah, koperator muda dan guru koperasi terpilih dari seluruh negara yang telah memberi sumbangan membanggakan dalam pembangunan koperasi sekolah bagi

pada tahun lepas. Selamat datang ke majlis ini, **tahniah dan syabas** kepada semua yang berjaya dan bakal menerima anugerah pada hari ini.

4. Saya bagi pihak ANGKASA dan Jawatankuasa Tadbir Kebangsaan mengucapkan penghargaan dan terima kasih kepada semua yang

memberi sokongan dan hadir menjayakan majlis ini, terutamanya – Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM), Majlis Amanah Rakyat (MARA), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM), Institut Koperasi Malaysia (IKMa), Bahagian Pendidikan dan Latihan Teknikal Vokasional (BPLTV) dan Pejabat Pendidikan Daerah (PPD)

yang tidak pernah jemu memberi sokongan padu dalam membangunkan gerakan koperasi sekolah di negara sehingga berada pada tahap ini.

Hadirin Hadirat, Para Pelajar Yang Dikasihi Sekalian

5. Pada peringkat awal, ANGKASA mengasaskan sambutan Hari Koperasi Sekolah (HKS) dengan objektif untuk menggalakkan keperator sekolah mendalami ilmu koperasi dan menyuburkan amalan berkoperasi dalam skala yang lebih besar. Ini bagi memberi peluang lebih ramai murid,

sekolah dan komuniti dalam sambutan HKS.

6. Pada 2017 dan sehingga kini, ANGKASA telah mengubah format HKS kepada AKKS secara keseluruhan bagi memberi penilaian yang lebih berkesan kepada kejayaan koperasi sekolah. Alhamdulillah, program ini

mendapat sambutan yang amat menggalakkan. Koperasi sekolah yang dengan pencapaian cemerlang dikumpulkan dalam satu majlis untuk diberi penghargaan dan pengiktirafan seperti yang kita adakan pada hari ini.

7. Untuk makluman, statistik pertumbuhan koperasi sekolah

meningkat dengan ketara sejak diasaskan pada tahun 1968, selaras dengan usaha-usaha yang dilaksanakan ANGKASA yang mendapat sokongan padu daripada KPM, Jabatan-Jabatan Pendidikan Negeri, MARA, SKM, IKMa, PPD dan sekolah-sekolah. Statistik 2023 (Interim) daripada SKM, **koperasi sekolah**

berjumlah 2,485 buah dengan keanggotaan 2.05 juta orang, syer/yuran berjumlah RM29.79 juta, aset berjumlah RM440.12 juta, menyumbang perolehan sebanyak RM227.48 juta.

8. Sehingga kini terdapat 23 buah koperasi sekolah yang berjaya

mencapai perolehan melebihi RM 1 juta iaitu:

BIL	NAMA KOPERASI	NEGERI
1	KOPERASI MRSM KEPALA BATAS PULAU PINANG BERHAD	PULAU PINANG
2	KOPERASI MRSM KUBANG PASU BERHAD	KEDAH
3	KOPERASI KOLEJ VOKASIONAL TANAH MERAH BERHAD	KELANTAN
4	KOPERASI MRSM TAIPING PERAK BERHAD	PERAK
5	KOPERASI MRSM BATU PAHAT JOHOR BERHAD	JOHOR
6	KOPERASI MRSM TUNKU ABDUL RAZAK PEKAN BERHAD	PAHANG
7	KOPERASI SMK KOTA BERHAD	KELANTAN

8	KOPERASI SMK TANSAU BERHAD	SABAH
9	KOPERASI SMK SENGGARANG BATU PAHAT BERHAD	JOHOR
10	KOPERASI SM AGAMA KUALA LUMPUR BERHAD	W.P KL
11	KOPERASI MRSM MERSING BERHAD	JOHOR
12	KOPERASI SMK DATO' MAHMUD PADUKA RAJA (1) TANAH MERAH BERHAD	KELANTAN
13	KOPERASI SMK MERBAU MIRI BERHAD	SARAWAK
14	KOPERASI MRSM TUN MOHAMMAD FUAD STEPHANS SANDAKAN BERHAD	SABAH
15	KOPERASI SMK SUBANG BESTARI SHAH ALAM BERHAD	SELANGOR
16	KOPERASI SMK SAUJANA UTAMA SUNGAI BULOH BERHAD	SELANGOR
17	KOPERASI MRSM TRANSKRIAN BERHAD	PULAU PINANG

18	KOPERASI MRSM GEMENCHEH BERHAD	NEGERI SEMBILAN
19	KOPERASI MRSM TUN GHAFAR BABA MELAKA BERHAD	MELAKA
20	KOPERASI MRSM ALOR GAJAH MELAKA BERHAD	MELAKA
21	KOPERASI SMK SEKSYEN 19 SHAH ALAM BERHAD	SELANGOR
22	KOPERASI SMK KOTA KEMUNING SHAH ALAM BERHAD	SELANGOR
23	KOPERASI MRSM SERTING JEMPOL BERHAD	NEGERI SEMBILAN

Antara 23 buah koperasi sekolah tersebut, **KOPERASI KOLEJ VOKASIONAL TANAH MERAH BERHAD**

telah berjaya mencapai perolehan RM2 Juta.

Hadirin Hadirat, Para Pelajar Yang Dikasihi Sekalian

9. Dalam hal pembangunan koperasi sekolah, ANGKASA berpegang teguh dengan pendirian

bahawa ianya sebagai wadah untuk murid mendapat latihan keusahawanan dan memupuk nilai kerjasama, kesaksamaan, perpaduan melalui. Walaupun ANGKASA kerap menekankan tentang jumlah perolehan, ini tidak bermakna kita mencuba untuk 'mengkomersialkan' koperasi sekolah. ANGKASA

berpandangan koperasi sekolah berpotensi menjana pendapatan tanpa mengganggu pembelajaran murid dalam kelas, malah terbukti mampu memberi latihan pembelajaran yang berkesan di luar kelas.

10. Penjanaan pendapatan ini bukan untuk keuntungan semata-mata, malah koperasi dapat menjual keperluan pelajar, guru dan sekolah pada harga yang jauh lebih murah. Ini secara tidak langsung dapat membantu mengurangkan beban pelajar dan kos sara hidup. Keuntungan yang diperolehi juga akan

dipulangkan kepada pelajar-pelajar dalam bentuk dividen dan pada masa yang sama membantu sekolah menyediakan kemudahan untuk pelajar. Ini dapat mengurangkan kebergantungan sekolah kepada kerajaan untuk pembiayaan prasarana sekolah.

11. Justeru, untuk memperkasakan lagi koperasi sekolah di negara ini, saya memohon KPM/MARA memastikan semua jabatan pendidikan dan pengetua sekolah menyokong penuh semua program pembangunan dijalankan ANGKASA dengan memberi pelepasan kepada guru koperasi dan murid,

mengurangkan waktu mengajar guru koperasi, memberi ruang operasi, menggalakkan perluasan perniagaan koperasi dan kelonggaran menjual makanan dan minuman yang tidak bermasak semasa kantin beroperasi. Sokongan anda ini amat penting dalam memacu kejayaan koperasi.

12. ANGKASA juga berharap pihak SKM dapat menimbang tara untuk menambah bajet Kumpulan Wang Amanah Pembangunan Koperasi (KWAPb) untuk tujuan pembangunan koperasi sekolah bagi tahun hadapan dan semua program pembangunan koperasi sekolah diserahkan sepenuhnya kepada ANGKASA.

Hadirin Hadirat, Para Pelajar Yang Dikasihi Sekalian

13. Suka juga untuk saya kongsiikan di sini bahawasanya atas sebab keunikan koperasi sekolah di negara kita, dan kerana kejayaan pencapaiannya, ianya menjadi model kepada masyarakat antarabangsa

untuk turut membangunkan koperasi sekolah di negara masing-masing.

14. Ini seharusnya dibanggakan kerana tanpa usaha berterusan dari para guru dan juga murid, sudah pasti apa yang kita kecapai pada hari ini tidak dapat dicapai. Di Kemboja misalnya dua buah koperasi sekolah

telah dibangun iaitu Norol Iman High School Cooperative dan An-Nikmah School Cooperative. Kedua – dua buah koperasi ini dibangun dengan objektif membangunkan keperluan sosiekonomi warga sekolah dan juga masyarakat Muslim setempat.

15. Saya percaya jika lebih banyak koperasi sekolah ditubuhkan di luar negara, maka kita boleh melihat usahasama atau perniagaan serantau dapat dijalankan antara koperasi. Ini sudah pasti akan meningkatkan kemahiran keusahawanan koperasi para murid melalui perniagaan rentas negara dan pada masa yang sama

menyumbang kepada peningkatan perolehan koperasi sekolah.

Hadirin Hadirat, Para Pelajar Yang Dikasihi Sekalian.

16. Marilah kita terus memacu peningkatan prestasi koperasi sekolah supaya menyumbang kepada

kekukuhan sosiekonomi warga sekolah di samping membangunkan modal insan yang cemerlang semenjak di bangku sekolah.

17. Sekali lagi ucapan terima kasih yang tidak terhingga diucapkan kepada YB **YB PUAN FADHLINA BINTI SIDEK, MENTERI PENDIDIKAN MALAYSIA**

yang sudi hadir untuk merasmikan acara pada hari ini. Semoga segala usaha yang dilakukan ini akan membangkitkan lagi nilai keusahawanan koperasi dalam diri generasi muda bagi melahirkan lebih ramai usahawan koperasi berjaya di negara kita.

Sekian, wabillahi tawfiq wal hidayah.
Wassalamualaykum wrh. wbth.